



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27
MENARA DATO' ONN
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)
NO. 45 JALAN TUN ISMAIL
50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-8000 8000 (1MOCC)
03-4047 6000
Faks : 03-4047 6142
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.PK.100-1/2/21 (13)

Tarikh : 3 November 2015

Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan
Jabatan Pembangunan Kemahiran

'Salam Kemahiran'

Tuan,

MAKLUMAN PENGUATKUASAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN BAGI PERSONEL YANG BERKHIDMAT DI PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR DI BAWAH AKTA TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 2004 (AKTA 640) PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN (PLK) PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK).

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana tuan sedia maklum, PTPK ditubuhkan untuk membiayai pinjaman kepada pelajar yang mengikuti latihan kemahiran. Pembiayaan pinjaman ini disalurkan melalui dana yang diperuntukan setiap tahun kepada pelajar-pelajar. Namun bagi memastikan kelangsungan pembiayaan kepada pelajar-pelajar, pembayaran balik amatlah diperlukan memandangkan dana ini adalah dana pusingan.
3. Bagi memastikan kelangsungan dana, pelbagai usaha dan tindakan telah diambil bagi mengutip balik PLK ini. Semakan Perbadanan mendapati sebahagian Personel termasuk Pengurus Pusat Bertauliah, Pegawai Pengesah Dalam, Pegawai Penilai dan Tenaga Pengajar yang didaftarkan oleh PL Tuan mempunyai tunggakan PLK.
4. Sehubungan dengan itu, Perbadanan telah memutuskan bahawa setiap personel yang mempunyai PLK untuk segera membuat bayaran balik seperti berikut:

Ruj. Kami : PTPK.PK.100-1/2/21 (13)

- i. Menjelaskan semua tunggakan PLK; dan
- ii. Menjelaskan baki PLK secara ansuran tetap melalui kaedah potongan gaji oleh PL.

5. Perbadanan amat memandang berat ke atas perkara ini, oleh itu kegagalan Personel membuat bayaran balik PLK seperti dinyatakan akan menyebabkan pendaftaran personel tersebut disekat di dalam Sistem Pinjaman Latihan Kemahiran.

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Bahagian Bayaran Balik di talian 03-4047 6027,6180, 6040, 6085 atau emel bpbb@ptpk.gov.my untuk makluman lanjut. Perhatian dan kerjasama yang tuan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja Sihat, Produktiviti Meningkatkan”



(ABDUL HALIM BIN MUHAMAD SALLEH)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

s.k :

Pengurus Besar (Operasi)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemahiran,
Aras 7-8, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putr

Ruj. Kami : PTPK.PK.100-1/2/21 (13)

En. Muhamed Ali Bin Hajah Mydin
Pengerusi
Persekutuan Pusat Pembangunan Kemahiran Malaysia (FMSSDC)
Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang
1, Jalan Sultan Azlan Shah,
Bandar Bayan Lepas,
119000 Bayan Lepas, Pulau Pinang

En Sailanathan A/L Pondian
Presiden FeMAC
Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)
No. 141, Bt 31/2
P.O.Box 192
Jln Klang Lama
58000 Kuala Lumpur.

Fail Timbul